



## PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

# NOTIS KERJA UNDI PKNK BIL. 1/2023

1. Kerja Undi ini adalah dipelawa kepada Kontraktor-Kontraktor bertaraf **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**/Kementerian Kewangan dalam gred, daerah, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan, mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah buat masa ini untuk menyertai sesi Cabutan Kerja Undi PKNK Bil. 1/2023;
2. Semakan dan saringan Kontraktor akan dibuat berdasarkan kepada 8 kriteria berikut :
  - a. Alamat berdaftar di daerah **KOTA SETAR / BALING** sahaja (*mengikut lokasi kerja seperti di dalam notis iklan*);
  - b. Gred G1;
  - c. Kategori B/C (Pengkhususan B04/CE21);
  - d. \* Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);
  - e. \* Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);
  - f. \* Mempunyai Sijil Taraf Bumiputra (STB);
  - g. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib; dan
  - h. Tiada kerja dalam tangan bagi kerja undi terdahulu di PKNK.

*\* masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya 30 hari daripada tarikh notis ini diiklankan.*
3. Pengecualian atau kebenaran khas daripada CIDB **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**;
4. Pendaftaran boleh dibuat bermula pada **7 NOVEMBER 2023 (SELASA) jam 10.00 PAGI sehingga 8 NOVEMBER 2023 (RABU) jam 5.00 PETANG** melalui pautan 'Google Form' yang disediakan melalui iklan ini di **laman sesawang Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)** (<https://www.pknk.gov.my>) serta laman **Facebook rasmi PKNK** (<https://www.facebook.com/PKNKedah>) dan pautan iklan ini akan turut dipamerkan di papan kenyataan am PKNK. Sila rujuk pautan yang telah disediakan di dalam iklan;
5. Syarikat digalakkan untuk membuat pendaftaran awal. Pihak PKNK tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan Syarikat untuk menyertai cabutan kerja undi ini disebabkan pendaftaran kerja undi di saat akhir.

**Saringan Peringkat Pertama:**

6. 1 syarikat hanya boleh mendaftar sebanyak 1 kali sahaja;
7. Kesemua kontraktor akan menjalani proses semakan dan saringan Peringkat Pertama terlebih dahulu. Bagi tujuan ini, pihak PKNK akan menyemak kesahihan dokumen-dokumen yang telah dimuatnaik bagi memastikan hanya Kontraktor-Kontraktor yang berkelayakan dibenarkan untuk meneruskan prosedur seterusnya.
8. Semasa proses pendaftaran, kontraktor hendaklah mengisi borang tersebut menerusi pautan atas talian yang telah disediakan **sahaja**. Tiada pendaftaran secara bersemuka akan dilaksanakan. Kontraktor dikehendaki untuk memuatnaik sesalinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah;
9. Senarai nama kontraktor yang melepasi saringan Peringkat Pertama akan dipaparkan di laman sesawang PKNK dan laman Facebook rasmi PKNK. Hanya kontraktor yang tersenarai di dalam senarai ini sahaja dibenarkan untuk membayar yuran pentadbiran sebanyak RM10 bagi setiap pendaftaran;
10. Urusan pembayaran yuran pentadbiran ini hanya akan dilakukan secara atas talian menerusi *JOMPAY*. Tiada bayaran secara tunai akan dilaksanakan. Kaedah bayaran terperinci hanya akan diberikan kepada kontraktor yang telah berjaya di dalam Saringan Peringkat Pertama.

**Saringan Peringkat Kedua:**

11. Kesemua kontraktor yang telah melepasi saringan Peringkat Pertama dan telah membuat bayaran seperti di atas sahaja akan dibenarkan untuk menyertai cabutan undi ini. Nama kontraktor yang telah berjaya di Peringkat Kedua akan dipaparkan di laman sesawang PKNK dan laman Facebook PKNK untuk diletakkan di dalam balang cabutan undi;
12. Kontraktor yang telah melepasi saringan Peringkat Pertama namun gagal untuk membuat bayaran yuran pentadbiran pada masa dan jumlah yang tetap ditetapkan tidak akan disenaraikan di dalam senarai akhir dan tidak akan diletakkan di dalam balang cabutan undi;
13. Senarai Kerja-Kerja Undi adalah seperti di Lampiran A;
14. Sesi cabutan undian akan dilaksanakan secara tertutup. Kontraktor tidak perlu untuk menghadiri sesi undian tersebut dilaksanakan namun boleh melayari sesi tersebut secara siaran langsung seperti butiran berikut :

Tarikh : **20 NOVEMBER 2023 (ISNIN)**  
Masa : **4.00 PETANG**  
Medium : **Facebook (FB) Live Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK)**

15. Kontraktor yang berjaya akan dimaklumkan melalui laman sesawang PKNK/FB PKNK dan/atau telefon/emel.
16. Kontraktor yang gagal memulakan kerja-kerja di tapak atau gagal menyiapkan kerja di dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak layak untuk menyertai sesi undian PKNK yang akan datang.

17. Kontraktor yang telah berjaya dilantik tetapi menarik diri daripada melaksanakan kerja yang ditawarkan tidak akan dibenarkan untuk menyertai sesi undian PKNK yang akan datang.
18. Keputusan undian adalah muktamad. Sebarang rayuan bagi apa-apa perubahan kepada keputusan undian tidak akan dipertimbangkan.
19. Kontraktor yang berjaya di dalam sesi undian ini akan menerima surat pemberitahuan atau Inden Kerja di dalam tempoh TUJUH (7) hari bekerja daripada tarikh cabutan undian dibuat.
20. Sekiranya Kontraktor yang berjaya menolak/menarik diri daripada melaksanakan kerja tersebut, maka Kontraktor Simpanan akan dipelawa bagi melaksanakan kerja tersebut.
21. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Pengurusan Kontrak & Ukur Bahan, Bahagian Teknikal, PKNK di talian 047752350 atau 047752349 pada waktu bekerja atau menerusi emel [hartini@pknk.gov.my](mailto:hartini@pknk.gov.my).

| BIL   | NO. RUJ. KERJA UNDI | TAJUK KERJA  | KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN   | PERUNTUKAN (RM) |
|---|---------------------|--|---|-----------------|
| <b>DAERAH KOTA SETAR</b>                                |                     |  |   |                 |
| 1   | PKNK/SH/2023/11/01  | KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN KAMPUNG MASJID TELUK BULANG, MUKIM TEBENGAU, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN   | G1 (CIDB)<br>Pengkhususan<br>B04/CE21   | RM120,000.00    |
| 2   | PKNK/SH/2023/11/02  | KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI KAWASAN ANJUNG UTAMA BANGUNAN WISMA PKNK SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, WISMA PKNK, JALAN SULTAN BADLISHAH, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN | G1 (CIDB)<br>Pengkhususan<br>B04/CE21   | RM150,000.00    |
| 3   | PKNK/SH/2023/11/03  | KERJA-KERJA PENGGANTIAN 'RAINWATER DOWNPIPE' SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN WISMA PKNK, JALAN SULTAN BADLISHAH, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN           | G1 (CIDB)<br>Pengkhususan<br>B04/CE21   | RM70,000.00     |
| 4   | PKNK/SH/2023/11/04  | KERJA-KERJA PEMBAIKAN FASAD UTAMA DAN LANTAI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS UKIR MALL, JALAN SULTAN BADLISHAH, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN            | G1 (CIDB)<br>Pengkhususan<br>B04/CE21   | RM197,000.00    |
| <b>PAUTAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAERAH KOTA SETAR:</b> |                     |  | <a href="https://forms.gle/pAsodFWSWxbCH7nFA">https://forms.gle/pAsodFWSWxbCH7nFA</a> |                 |

| BIL   | NO. RUJ. KERJA UNDI | TAJUK KERJA  | KATEGORI DAN PENGKHUSUSAN   |   | PERUNTUKAN (RM) |
|---|---------------------|--|---|---|-----------------|
| <b>DAERAH BALING</b>                                |                     |  |   |   |                 |
| 5   | PKNK/SH/2023/11/05  | CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG SUNGAI TEMBAK, DAERAH BALING, KEDAH DARUL AMAN | G1 (CIDB) Pengkhususan B04/CE21   | Kontraktor Tempatan <b>Daerah BALING</b> sahaja | RM125,000.00    |
| <b>PAUTAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAERAH BALING:</b> |                     |  | <a href="https://forms.gle/4WQL6neiFKD1XcxH8">https://forms.gle/4WQL6neiFKD1XcxH8</a> |   |                 |